

KERATAN AKHBAR

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH TERBITAN : 23 MAC 2011 (Rabu)

Bil	Tajuk	Muka Surat
1	Lagi Khabar Gembira	Muka depan
2	Album Hari Ini: Taat Setia	2
3	Kebajikan Penjawat Awam Dijaga	3
4	Komitmen ATM, PDRM Bantu Dasar Kerajaan Wajar Dicontohi-Najib	4

Demi tingkatkan motivasi, lahirkan penjawat awam berdaya saing - PM

Lagi khabar gembira



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-12 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam.

ANTARANYA

● Pesara skim KWSP yang bersara wajib atau di bawah Seksyen 6A(6) Akta 227/239 termasuk ahli keluarga tanggungan mereka, layak menikmati kemudahan rawatan percuma.

● Ganjaran 100 peratus dibayar kepada pejawat awam yang bersara pilihan sekaligus memansuhkan penangguhan bayaran sebahagian ganjaran sebelum ini.

● Sistem saraan dikaji semula bagi mewujudkan perkhidmatan awam lebih produktif, berinovasi, kreatif dan berprestasi tinggi.

● Anugerah khas kepada penjawat awam aktif aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan dan kebudayaan selain menunjukkan mutu kerja tinggi.

● Pegawai peringkat pertengahan dihantar mengikuti kursus terpilih bagi menyediakan mereka dengan kemahiran keimpinan.

● Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) digantikan dengan penilaian baru.

**BERITA PENUH
DI MUKA 3**

Termasuk rawatan percuma pesara, keluarga di bawah skim KWSP bersara wajib Kebajikan penjawat awam dijaga

Oleh ZULKIFLI JALIL, THOMAS CHONG dan NAZMIL NASIRUDDIN
pengarang@utusan.com.my

PUTRAJAYA 22 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan lagi beberapa khabar gembira untuk meningkatkan motivasi dan melahirkan penjawat awam yang berdaya saing.

Ia dimaklumkan Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan bertajuk "Kerajaan Bertanggungjawab: Menunai Janji, Melangkaui Jangkaan" di hadapan 5,747 penjawat awam yang menghadiri Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-12 (MAPPA XII) di sini.

Turut mendengar pengumuman tersebut ialah masing-masing 300 dan 270 penjawat awam yang menghadiri sidang video dengan Perdana Menteri di Wisma Bapa Malaysia di Sarawak dan Auditorium Intan di Sabah.

Berikut perkara yang diumumkan Perdana Menteri:

■ Berkuat kuasa mulai tarikh semasa, pesara skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang bersara pada umur wajib atau di bawah Seksyen 6A(6) Akta 227/239 termasuk ahli keluarga tanggungan mereka, layak menikmati kemudahan rawatan percuma.

Pelaksanaan pemanjangan rawatan perubatan percuma kepada pesara skim KWSP ini hanya diberi kepada anggota perkhidmatan awam di bawah skim KWSP yang telah di bersara wajib oleh kerajaan Persekutuan atau negeri atau Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan. Bagaimanapun, ia tidak merangkumi mereka yang meletak jawatan atau meninggalkan perkhidmatan atas kehendak sendiri.

■ Berkuat kuasa mulai tarikh semasa, ganjaran akan dibayar 100



NAJIB Tun Razak bersama Muhyiddin Yassin serta Mohd. Sidek Hassan (kiri) memegang buku Perkhidmatan Awam selepas melancarkannya pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-12 (MAPPA XII) di Pusat Konvensyen Antarabangsa, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/HANAFI KHAMIS

peratus kepada anggota sektor awam yang bersara pilihan di bawah pilihan skim pencen sekali gus memansuhkan penangguhan bayaran sebahagian ganjaran sebelum ini.

■ Kajian semula sistem saraan sedang dijalankan bagi mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih produktif, berinovasi, kreatif dan berprestasi tinggi.

■ Kerajaan akan memperkenalkan anugerah khas kepada penjawat awam yang aktif dalam aktiviti kesukarelaan, kemasyarakatan, sukan dan kebudayaan selain menunjukkan mutu kerja yang tinggi. Untuk itu, tahap prestasi kerja dan pe-

nglibatan aktif dalam semua aktiviti sepanjang 2011 akan dinilai bagi tujuan tersebut.

■ Pegawai-pegawai awam di peringkat pertengahan yang berpotensi tinggi akan dihantar untuk mengikuti kursus-kursus terpilih bagi menyediakan mereka dengan kemahiran kepimpinan. Pada masa sama, kemajuan kerjaya dan peluang-peluang kenaikan pangkat Kumpulan Pelaksana akan diperluaskan kepada pegawai yang telah berjaya memiliki kelayakan yang tinggi.

■ Kajian terperinci akan dilaksanakan untuk merasionalisasikan perkhidmatan awam bertujuan me-

ngurangkan lebih anggota melalui penjarangan semula fungsi agensi yang bertindih, pengawalan pengisian jawatan kosong dan pengagihan semula perjawatan.

■ Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) digantikan dengan penilaian baru yang lebih memfokus kepada elemen pembangunan kompetensi berasaskan gred dan jawatan serta mengambil kira keunikan pelbagai skim perkhidmatan. Untuk memastikan ia relevan, ketua perkhidmatan atau ketua jabatan diberi fleksibiliti dalam menentukan kaedah penilaian di jabatan masing-masing berdasarkan garis panduan

yang sedang disediakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

■ Jawatankuasa penilai pementasan prestasi akan ditubuhkan bagi memastikan pegawai kerajaan terlibat dalam sistem pool tidak teraniaya di mana elemen keadilan dan penilaian bebas akan diamalkan.

■ Bagi pegawai yang berprestasi rendah atau mempunyai masalah kesesuaian penempatan di semua peringkat termasuk Kumpulan Pengurusan Tertinggi, satu kaedah exit policy akan diwujudkan di bawah Kajian Semakan Sistem Saraan Malaysia untuk menamatkan perkhidmatan tersebut.

Album Hari Ini



TAAT SETIA

SEBAHAGIAN
penjawat
awam
melafazkan
ikrar
Perkhidmatan
Awam pada
Majlis Perdana
Perkhidmatan
Awam
(MAPPA) Ke-12
di Pusat
Konvensyen
Antarabangsa
Putrajaya
(PICC) di
Putrajaya,
semalam.
- BERNAMA

Dalam Negeri

Komitmen ATM, PDRM bantu dasar kerajaan wajar dicontohi - Najib

PUTRAJAYA 22 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak mahu komitmen dan kerjasama antara Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dicontohi dalam membantu dasar kerajaan yang kini menjurus kepada elemen mementingkan pengurusan nilai.

Perdana Menteri berkata, ada banyak contoh yang mana perbelanjaan kerajaan berjaya dijimatkan menerusi pemilihan lokasi, rekayasa dan reka bentuk sehingga kepada pemilihan bahan pembinaan yang

bersesuaian.

Beliau menarik perhatian mengenai pembinaan jalan penghubung di Bakelalan, Sarawak, yang sekiranya dilaksanakan melalui kaedah biasa memerlukan peruntukan sebanyak RM400 juta.

Namun, ia telah dilaksanakan dengan kos RM50 juta sahaja.

"Perkara ini dapat dilakukan dengan menggunakan kaedah 'Jiwa Murni' Kor Jurutera ATM yang menggembeng tenaga anggota tentera untuk membina jalan dan pe-

runtukan hanya disediakan untuk pembelian material serta sewa jentera," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ke-12 (MAPPA XII) di sini hari ini.

Selain Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, majlis turut dihadiri Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Menurut Perdana Menteri, ATM dan PDRM berjaya membentuk satu pakatan yang memecah tembok tradisional dan konvensional selama ini.

Contohnya, kata beliau, jika dulu kawalan sempadan juga menjadi tanggungjawab Pasukan Gerakan Am, tetapi hari ini setelah penubuhan Rejimen Sempadan Tentera Darat, fungsi itu telah berpindah kepada pihak Tentera Darat.

"Ini membolehkan anggota-anggota PGA yang selama ini bertugas

di sempadan, dialihguna untuk tugas pencegahan jenayah di kawasan-kawasan panas.

"Contoh kedua, kem-kem ATM telah dibuka kepada rekrut baru PDRM. Ini membolehkan pertambahan anggota PDRM dibuat tanpa pelaburan infrastruktur yang besar serta tanpa pertambahan jawatan," katanya.

Kata Perdana Menteri: "Inilah kejayaan aplikasi penyelesaian kreatif yang sungguh bijaksana dan menguntungkan."